



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI JUALAN HAIWAN KESAYANGAN



KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI JUALAN HAIWAN KESAYANGAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603 8888 8685
E-mel : pro@dvs.gov.my

Edisi Pertama : 2019
Edisi Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, samaada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	3
6.0	TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA	3
7.0	KEDAI HAIWAN KESAYANGAN	4
	7.1 Lokasi	
	7.2 Pembinaan	
	7.3 Saiz sangkar	
	7.4 Sistem saliran	
	7.7 Suhu dalam	
	7.8 Bunyi bising haiwan	
	7.9 Pencahayaan	
	7.10 Pengudaraan	
8.0	KEBERSIHAN	7
	8.1 Pembersihan dan pembasmian kuman	
	8.2 Kawalan makhluk perosak	
	8.4 Kotak najis (<i>Litter Trays</i>)	
	8.3 Pelupusan sisa	
9.0	PENGURUSAN	9
	9.1 Penjagaan haiwan	
	9.2 Pekerja	
	9.3 Penjualan haiwan	
10.0	KESIHATAN	10
	10.1 Pencegahan penyakit	
	10.2 Pemeriksaan kesihatan	
	10.3 Penjagaan veterinar	
	10.4 Pengasingan (<i>Isolation</i>)	

11.0	PEMAKANAN	12
11.1	Makanan	
11.2	Air minuman	
12.0	SENAMAN	12
13.0	PENGANGKUTAN	12
14.0	PENGURUSAN HAIWAN YANG TIDAK DAPAT DIJUAL	13
15.0	REKOD	13
16.0	RUJUKAN	14
17.0	LAMPIRAN	15

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI JUALAN HAIWAN KESAYANGAN

1.0 PENDAHULUAN

Pengendalian haiwan dalam mana-mana aktiviti yang melibatkan haiwan hendaklah mengambil kira keperluan kebajikan haiwan. Kewajipan ini adalah menjadi tanggungjawab pemunya atau pemegang lesen di bawah Akta Kebajikan haiwan 2015. Sebagai pengusaha premis bagi aktiviti jualan haiwan kesayangan maka kewajipan ini perlu dipatuhi. Oleh demikian adalah perlu untuk pengusaha mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan haiwan berikut dipenuhi iaitu -

- i. keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- ii. keperluannya untuk diet yang sesuai;
- iii. keperluan untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuan yang semulajadi;
- iv. keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v. keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini perlu dipatuhi oleh pengusaha dan pekerja di kedai haiwan kesayangan berkenaan. Semua kedai haiwan kesayangan juga perlu mendapatkan lesen serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan sama ada oleh Lembaga Kebajikan Haiwan, pihak berkuasa veterinar atau pihak berkuasa tempatan untuk beroperasi sebagai premis jualan haiwan kesayangan.

2.0 OBJKTIF

Objektif utama KAKH ini adalah untuk:

- 2.1 Memastikan kebajikan haiwan yang berada di premis jualan haiwan kesayangan dipenuhi.
- 2.2 Memastikan premis jualan haiwan kesayangan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.

- 2.3 Memastikan premis jualan haiwan kesayangan mempunyai pengurusan yang sistematik.
- 2.4 Memastikan setiap haiwan yang berada di premis jualan haiwan kesayangan dilayan dengan beretika dan kebaikannya terpelihara.

3.0 SKOP

KAKH ini menjelaskan amalan baik yang perlu dilaksanakan di premis jualan haiwan kesayangan merangkumi aspek-aspek kemudahan perumahan, kebersihan, pengurusan, penjagaan kesihatan, pemakanan, senaman dan pengurusan haiwan yang berada di premis berkenaan.

4.0 DEFINISI

- 4.1 Bilik pengasingan
Bilik khas terasing daripada tempat umum yang mempunyai kemudahan asas untuk menempatkan haiwan kesayangan bagi tujuan pemantauan atau pemerhatian
- 4.2 Alas haiwan (*bedding*)
Apa-apa bahan yang digunakan sebagai alas untuk haiwan tidur atau berehat.
- 4.3 Premis jualan haiwan kesayangan
Premis yang menjalankan aktiviti membeli, menyimpan dan/atau menjual haiwan kesayangan kepada individu atau mana-mana organisasi atau pertubuhan.
- 4.4 Keperluan asas
Keperluan dalam seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015
- 4.5 Haiwan kesayangan
Haiwan yang definisi di bawah Seksyen 2 Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang dipelihara oleh pemunya sebagai peneman
- 4.6 Pengusaha
Pemunya atau operator mengusahakan aktiviti kedai haiwan kesayangan.
- 4.7 Sangkar pameran
Sangkar yang digunakan untuk mempamerkan haiwan kesayangan untuk dijual

- 4.8 Sangkar penyimpanan
Sangkar yang menempatkan haiwan kesayangan selain daripada haiwan yang dipamerkan.

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
5.2 DOF - Jabatan Perikanan
5.3 JKT - Jabatan Kerajaan Tempatan
5.4 PERHILITAN - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
5.5 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan

6.0 TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA

Pengusaha premis jualan haiwan kesayangan bertanggungjawab untuk:

- 6.1 menyediakan penginapan dan peralatan yang sesuai dengan keperluan fizikal dan tingkah laku haiwan yang berada di kedai haiwan kesayangan;
- 6.2 melindungi haiwan daripada manusia, haiwan lain dan keadaan persekitaran yang berbahaya ;
- 6.3 menyediakan ruang yang mencukupi untuk haiwan berdiri, bergerak dengan bebas, meregang dengan sepenuhnya (*stretch fully*) dan berehat;
- 6.4 menyediakan makanan yang bersesuaian dan air dalam kuantiti yang mencukupi dan bersih bagi mengekalkan kesihatan haiwan;
- 6.5 melindungi haiwan daripada penyakit, ketidakselesaan dan kecederaan;
- 6.6 mendapatkan rawatan yang bersesuaian dengan segera sekiranya terdapat kes kecederaan atau penyakit;
- 6.7 memastikan kebersihan premis dan haiwan sentiasa terpelihara;

- 6.8 menyelia pemeriksaan harian untuk memastikan kesejahteraan haiwan kesayangan;
- 6.9 memastikan pekerja diberi latihan asas berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan;
- 6.10 menyelia pekerja sama ada yang bekerja sepenuh masa atau separuh masa;
- 6.11 mengumpul, mengemas kini dan menyimpan rekod pengurusan aktiviti ;
- 6.12 memastikan haiwan diperoleh tidak menunjukkan tanda-tanda berpenyakit; dan
- 6.13 mematuhi mana-mana perundangan berkaitan dengan kebijakan dan kesejahteraan haiwan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

7.0 KEDAI HAIWAN KESAYANGAN

7.1 Lokasi

- 7.1.1 Premis jualan haiwan kesayangan perlu berada di kawasan yang sesuai yang jauh daripada sumber bunyi bising yang melampau atau pencemaran yang boleh menyebabkan tekanan atau kecederaan pada haiwan dan tidak mengakibatkan kacau ganggu kepada orang awam.
- 7.1.2 Kawasan premis jualan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai bekalan infrastruktur asas seperti air bersih dan elektrik yang mencukupi serta mempunyai saliran ke sistem pembetungan atau tangki septik.

7.2 Pembinaan

- 7.2.1 Semua sangkar hendaklah berada di dalam premis jualan haiwan kesayangan.
- 7.2.2 Ruang petak sangkar hendaklah dipisahkan antara satu sama lain.

- 7.2.3 Permukaan dalam sangkar hendaklah dibina daripada bahan yang kalis air, mudah dicuci, tidak berkarat dan tidak menyebabkan kecederaan kepada haiwan.
- 7.2.4 Lantai hendaklah dibina daripada bahan yang kalis air untuk menyenangkan pembersihan.
- 7.2.5 Setiap premis jualan haiwan kesayangan hendaklah menyediakan bilik kuarantin dan bilik pengasingan.
- 7.2.6 Keperluan asas dalam sangkar perlu disediakan mengikut keperluan spesies dan baka.
- 7.3 Saiz sangkar
- 7.3.1 Saiz sangkar penyimpanan atau pameran untuk haiwan yang disimpan secara individu atau berkumpulan hendaklah mempunyai ruang yang mencukupi untuk haiwan makan, tidur, berdiri, duduk, baring dengan selesa, meregang dan bergerak dengan bebas seperti dalam **Lampiran 1**.
- 7.3.2 Kedudukan sangkar dan ketinggian sangkar dari paras lantai hendaklah berada pada ketinggian yang memudahkan kerja-kerja pembersihan dilakukan.
- 7.4 Sistem saliran
- 7.4.1 Lantai hendaklah mempunyai kecerunan sekitar 2 darjah untuk memudahkan air dan najis mengalir keluar.
- 7.4.2 Sisa pepejal dan cecair perlu diasing.
- 7.4.3 Perangkap sisa pepejal mestilah dicuci setiap hari.
- 7.4.4 Premis jualan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai sistem saliran yang baik dan berkesan
- 7.5 Suhu dalam
- 7.5.1 Haiwan kesayangan hendaklah dilindungi daripada perubahan suhu yang ekstrem untuk mengurangkan ketidaksesuaian kepada haiwan.

- 7.5.2 Haiwan kesayangan yang lebih sensitif kepada perubahan cuaca perlu disediakan kemudahan peralatan untuk pemanasan atau penyejukan.
- 7.5.3 Premis perlu dilengkapi alat untuk pengukuran suhu dalam premis.
- 7.6 Bunyi bising haiwan
- 7.6.1 Haiwan yang mengeluarkan bunyi bising mesti diuruskan supaya tidak menyebabkan kacau ganggu dan boleh dikurangkan dengan menggunakan cara yang berikut:
- a. Sangkar disusun supaya tidak menghadap satu sama lain.
 - b. Menghadkan rangsangan luaran dengan meletakkan pemisah di antara sangkar.
 - c. Meletakkan haiwan dalam sangkar/kenel atau dengan pasangan yang serasi.
- 7.6.2 Kucing hendaklah diletakkan berasingan dan terlindung daripada anjing supaya tidak terganggu oleh salakan anjing.
- 7.7 Pencahayaan
- 7.7.1 Pencahayaan hendaklah mencukupi bagi membolehkan haiwan diperiksa pada bila-bila masa dan sangkar dapat dibersihkan dengan sempurna.
- 7.7.2 Pencahayaan juga hendaklah mencukupi mengikuti keperluan spesies dan baka.
- 7.7.3 Pencahayaan tiruan tidak patut menjanakan haba yang keterlaluan.
- 7.8 Pengudaraan
Premis hendaklah mempunyai sistem pengudaraan yang baik bagi mengelakkan kelembapan dan bau busuk.
- 7.9 Alas haiwan (*Bedding*)
- 7.9.1 Semua sangkar perumahan perlu mempunyai tempat tidur atau alas (*bedding*) yang sesuai sekiranya perlu.

7.10 Keselamatan

- 7.10.1 Pintu kedai haiwan kesayangan mestilah sentiasa tertutup bagi mengelakkan haiwan kesayangan terlepas keluar.
- 7.10.2 Setiap sangkar hendaklah dilengkapi dengan sistem kunci yang tidak dapat dibuka oleh haiwan kesayangan yang dikurung.
- 7.10.3 Pemadam api hendaklah sentiasa ada dan berfungsi serta ditempatkan di kawasan yang strategik.
- 7.10.4 Label amaran perlu diletakkan pada sangkar pameran untuk mengurangkan kacau ganggu pada haiwan yang dipamerkan. Contohnya, "Jangan Sentuh", "Jangan Ketuk Cermin" atau "Awas Haiwan Garang".
- 7.10.5 Setiap kedai haiwan kesayangan mestilah mempunyai persiapan minima yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di **Lampiran 2**

8.0 KEBERSIHAN

8.1 Pembersihan dan pembasmian kuman

- 8.1.1 Premis kedai jualan haiwan kesayangan perlu sentiasa bersih supaya kesihatan haiwan kesayangan terpelihara dan tidak mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.
- 8.1.2 Najis hendaklah dibuang sekurang-kurangnya sekali sehari atau bila perlu.
- 8.1.3 Premis, sangkar dan peralatan kedai haiwan kesayangan, hendaklah dibersihkan setiap hari dan dinyahkumankan seminggu sekali.
- 8.1.4 Pembersihan dan pembasmian kuman hendaklah dilakukan pada setiap kali selepas berlakunya wabak penyakit.
- 8.1.5 Bahan pencuci dan disinfektan yang digunakan hendaklah sesuai, selamat dan berkesan mengikut panduan oleh pengeluar.

8.2 Kawalan makhluk perosak

- 8.2.1 Makhluk perosak hendaklah dikawal.
- 8.2.2 Bahan kimia yang digunakan untuk kawalan makhluk perosak mestilah diperakui oleh pihak berkuasa dan digunakan menurut panduan yang ditetapkan oleh pengeluar.
- 8.2.3 Kaedah penyimpanan bahan kimia untuk kawalan makhluk perosak hendaklah seperti mana peraturan yang ditetapkan oleh pihak yang berkenaan.

8.3 Pelupusan sisa

- 8.3.1 Sisa pepejal dan karkas haiwan hendaklah dilupuskan dengan cara yang bersesuaian mengikut keperluan pihak berkuasa tempatan.
- 8.3.2 Pelupusan sisa klinikal hendaklah dikendalikan oleh pengendali sisa klinikal yang berlesen.

8.4 Kotak Najis (*Litter Trays*)

- 8.4.1 Kotak najis hendaklah disediakan untuk kucing.
- 8.4.2 Bahan sarap (*litter material*) yang sesuai dengan kedalaman yang mencukupi hendaklah disediakan.
- 8.4.3 Sarap (*litter*) hendaklah diperiksa, dibuang atau ditambah apabila perlu.
- 8.4.4 Semua sarap hendaklah ditukar sekurang-kurangnya dua hari sekali dan kotak najis hendaklah dicuci dan dinyahkuman.
- 8.4.5 Kotak najis yang bersih hendaklah disediakan untuk kucing yang baru masuk.

9.0 PENGURUSAN

9.1 Penjagaan haiwan

- 9.1.1 Haiwan kesayangan hendaklah dilindungi daripada sebarang ketidakselesaan (*distress*) atau kecederaan.
- 9.1.2 Spesies yang berlainan tidak boleh disimpan bersama dalam satu sangkar.
- 9.1.3 Haiwan kesayangan hendaklah diasingkan sekiranya haiwan tersebut mempunyai ciri yang berikut:
 - a. Bersifat garang
 - b. Lemah
 - c. Tidak divaksinasi atau status vaksinasi tidak diketahui

9.2 Pekerja

- 9.2.1 Pekerja hendaklah menyayangi haiwan dan dilatih untuk mengendalikan haiwan kesayangan.
- 9.2.2 Pekerja hendaklah mempunyai rasa tanggungjawab terhadap haiwan di bawah jagaannya.
- 9.2.3 Bilangan pekerja hendaklah mencukupi untuk menjalankan semua aktiviti dalam kedai haiwan kesayangan dengan efisien.
- 9.2.4 Sebarang keabnormalan pada haiwan kesayangan hendaklah dimaklumkan kepada pengusaha premis jualan haiwan kesayangan dengan kadar segera.

9.3 Penjualan Haiwan

- 9.3.1 Haiwan yang dijual hendaklah disertakan dengan perkara yang berikut:
 - a. Sijil vaksinasi terkini yang merekodkan vaksinasi dan nyahcacing disahkan oleh doktor veterinar (bagi spesies yang berkaitan);
 - b. Rekod kesihatan (jika ada rawatan);
 - c. Sijil kelahiran/Pedigri bagi baka tulen (jika berkaitan);

- d. Maklumat kesihatan terutamanya bagi penyakit yang boleh diwarisi (breed predisposition) dan penjagaan asas (jika berkaitan).
- 9.3.2 Anjing daripada baka-baka terlarang yang tersenarai dalam **Lampiran 3** TIDAK BOLEH dijual. (Rujuk Buku Panduan Baka-Baka Anjing Terhad dan Terlarang di Malaysia).

10.0 KESIHATAN

10.1 Pencegahan penyakit

- 10.1.1 Haiwan yang mempunyai atau disyaki mempunyai penyakit berjangkit tidak boleh dibawa masuk ke dalam kedai haiwan kesayangan.
- 10.1.2 Haiwan kesayangan perlu dipastikan divaksinasi dengan vaksin asas (core vaccine) mengikut jadual seperti di **Lampiran 4**.

10.2 Pemeriksaan Kesihatan

- 10.2.1 Haiwan kesayangan hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya dua kali sehari (pagi dan petang) untuk memantau keselesaan dan kesihatan haiwan.
- 10.2.2 Pekerja yang menjalankan pemeriksaan hendaklah memastikan setiap haiwan:
 - a. makan
 - b. minum
 - c. buang air besar (berak)
 - d. buang air kecil (kencing)
 - e. berperangai normal
 - f. dapat bergerak dengan bebas dalam sangkar
 - g. tidak menunjukkan sebarang tanda penyakit

10.3 Penjagaan Veterinar

- 10.3.1 Haiwan hendaklah dibawa untuk mendapatkan khidmat veterinar daripada doktor veterinar jika menunjukkan tanda-tanda seperti yang berikut:

- a. Hidung berhingus
 - b. Mata berair dan radang
 - c. Bersin berulang kali
 - d. Batuk
 - e. Muntah
 - f. Cirit-birit berlarutan melebihi 3 hari atau sekiranya berdarah
 - g. Ketempangan semasa masuk penginapan
 - h. Tidak boleh berdiri atau berjalan (*inability to stand or walk*)
 - i. Perdarahan atau pembengkakan bahagian badan
 - j. Kesusutan berat > 10% dalam seminggu
 - k. Perubahan dalam perwatakan mendadak semasa dalam penginapan
 - l. Kelesuan ekstrem
 - m. Tiada selera makan melebihi 3 hari
 - n. Kesakitan ketara
 - o. Sawan atau terhuyung-hayang (*fits or staggering*)
 - p. Pengembungan abdomen (*bloating*)
 - q. Tidak boleh kencing atau berak
 - r. Luka terbuka (*open wounds*)
- 10.3.2 Setiap premis jualan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti di **Lampiran 5**
- 10.4 Pengasingan (*Isolation*)
- 10.4.1 Haiwan yang disyaki atau mempunyai penyakit berjangkit hendaklah diletakkan di dalam bilik pengasingan.
- 10.4.2 Semua peralatan yang digunakan di dalam bilik pengasingan hendaklah dikhurasukan untuk penggunaan dalam bilik pengasingan sahaja.
- 10.4.3 Pekerja hendaklah mencuci dan menyahkan tangan sebelum dan selepas masuk ke dalam bilik pengasingan.
- 10.4.4 Pekerja hendaklah menguruskan haiwan yang sihat dahulu sebelum memasuki bilik pengasingan.

11.0 PEMAKANAN

11.1 Makanan

- 11.1.1 Haiwan kesayangan hendaklah diberi makanan yang sesuai, tidak tercemar dan kandungan nutrisi mengikut keperluan spesies, keadaan fisiologi dan umur. Makanan hendaklah dalam kuantiti yang mencukupi dan komposisi yang sesuai.
- 11.1.2 Semua haiwan kesayangan hendaklah diberi makan sekurang-kurangnya dua kali sehari.
- 11.1.3 Makanan hendaklah disediakan dengan cara yang bersih dalam bekas yang bersih dan tidak mudah tumpah.
- 11.1.4 Makanan hendaklah disimpan di tempat yang sesuai dan bebas daripada makhluk perosak.
- 11.1.5 Makanan yang tidak dimakan hendaklah dibuang secepat mungkin.

11.2 Air

- 11.2.1 Air bersih hendaklah sentiasa tersedia sepanjang masa (*ad libitum*)
- 11.2.2 Bekas/Punca minuman hendaklah berada pada kedudukan yang mudah untuk diakses dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

12.0 SENAMAN

Haiwan kesayangan yang memerlukan senaman untuk memenuhi keperluan fisiologi hendaklah diberi peluang untuk bersenam.

13.0 PENGANGKUTAN

- 13.1 Haiwan kesayangan hendaklah dipindahkan dalam masa yang paling singkat. Haiwan tidak sepatutnya ditinggalkan dalam kenderaan yang diletakkan di bawah matahari terik atau cuaca panas kecuali disediakan pengudaraan yang mencukupi atau di bawah teduhan yang bersesuaian.

- 13.2 Reka bentuk kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan haiwan kesayangan perlu mempunyai ciri yang berikut:
- Melindungi haiwan daripada kecederaan.
 - Lantai tidak licin.
 - Menjamin keselamatan pekerja dan orang awam.
 - Melindungi haiwan daripada perubahan suhu yang terlampau.
 - Mengelakkan haiwan daripada terlepas.
 - Mudah dicuci dan dibasmi kuman.
- 13.3 Penyediaan sangkar yang bersih, selamat, kukuh dan mempunyai ruangan yang berasingan mengikut kesesuaian saiz haiwan bagi mengelakkan kecederaan.

14.0 PENGURUSAN HAIWAN YANG TIDAK DAPAT DIJUAL

Pengusaha premis jualan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai polisi berkaitan pengurusan haiwan yang tidak dapat dijual yang mematuhi prinsip kebaikan haiwan dan perlu dipamerkan.

15.0 REKOD

- 15.1 Semua haiwan kesayangan yang berada di kedai haiwan kesayangan mesti mempunyai rekod yang mengandungi maklumat-maklumat yang berikut:
- Nama/Pengenalan Haiwan
 - Nombor "pet passport" (jika ada)
 - Nama, nombor kad pengenalan ,alamat, nombor telefon, pembekal haiwan
 - Tarikh haiwan dibawa masuk dan keluar
 - Deskripsi haiwan tersebut termasuk (jika berkenaan):
 - jantina
 - spesies
 - baka atau jenis
 - warna
 - ciri khas
 - status fisiologi (bunting, naik biang)
 - umur dan berat badan
 - status vaksinasi dan nyahcacing
 - status penyakit

- f. Status pencegahan cacing jantung (*Heartworm prevention status*) bagi anjing
 - g. Nama dan nombor telefon doktor veterinar yang biasa merawat haiwan berkenaan
 - h. Butiran kesihatan, diet, *grooming*
- 15.2 Semua haiwan kesayangan yang berada di premis jualan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai sijil vaksinasi yang terkini.
- 15.3 Semua aktiviti jual beli haiwan kesayangan perlu direkodkan. Antara rekod lain yang perlu ada dan disimpan serta dikemas kini ialah:
- a. Rekod kematian yang mengandungi tarikh dan sebab kematian.
 - b. Rekod rawatan veterinar, termasuk rawatan rutin seperti nyahcacing atau kawalan ektoparasit.
 - c. Rekod pembersihan sangkar

16.0 RUJUKAN

- 16.1 Good Animal Husbandry Practice for Pets and Exotic Animal (DVS Malaysia)
- 16.2 New South Wales Animal Welfare Code of Practice No 5-Dogs and Cats in Animal Establishment (1996)
- 16.3 WSAVA Vaccination-Guidelines
- 16.4 New Territory Government Animal Welfare
- 16.5 Agriculture.ny.gov-Small animals minimum space require for dogs
- 16.6 Buku Panduan Baka-Baka Anjing Terhad dan Terlarang di Malaysia
- 16.7 Regulations for the importation of dogs and cats from the non-scheduled countries into Malaysia

Lampiran 1**SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN**(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/
pen ini untuk maksimum 4 minggu)

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm²)
ANJING					
anak anjing (8-16 minggu) kurang dari 3 kg lebih 3 kg	6,000 6,000	60 60	50 50	4 2	1,500 3,000
dewasa (ketinggian) kurang dari 40 cm 40 - 70 cm lebih 70 cm	15,000 24,000 35,000	90 100 120	Tinggi 15cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar	1 1 1	10,000 12,000 17,000
dewasa (ketinggian) ibu menyusu anak menyusu	35,000	120		1	17,000 4,000
KUCING					
anak kucing (8 - 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	4 1	1,500
ARNAB					
anak (6 - 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	6 2	300 600
GUINEA PIGS	2,500	50	40	4	600
TIKUS	600	20	20	2	300
ULAR					
sehingga 100 cm 100 - 250 cm 250 - 400 cm lebih 400 cm	2,000 4,500 6,000 10,000	45 50 50 90	35 50 50 75	2 2 2 1	1,000 2,250 3,000 5,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm²)
CICAK					
Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Biawak, Mengkarung untuk 30 cm panjang * untuk 50 cm panjang ** untuk 90 cm panjang ***	2,100 2,500 7,000	40 40 90	40 40 60	3 dewasa atau 10 juvana 2 dewasa atau 5 juvana 1	350 600 3,500
Biawak untuk 120 cm panjang untuk 200 cm panjang	10,000 30,000	90 150	90 120	1 1	5,000 15,000
KATAK POKOK & TANAH					
kecil besar	1,800 2,500	30 50	40 30	3 6	400 150
BURUNG SANGKAR "INDOOR"					
Saiz burung cm panjang					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)
BURUNG SANGKAR "Outdoor"					
Saiz burung cm panjang					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
KURA-KURA	MINIMUM KEDALAMAN AIR				
Karapas 0 -10 cm	1,800	MINIMUM 30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 cm². Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- * Kumpulan ini termasuk Mengkarung Batu Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- ** Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesis gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback dan Gidgee)
- *** Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

Lampiran 2

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.

1. Mengenalpasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan/ kawasan pameran.
6. Tanda "Dilarang merokok" ditempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Lampiran 3

SENARAI BAKA ANJING TERLARANG DAN TERKAWAL

BAKA ANJING TERLARANG

- (i) Akita (American Akita or Great Japanese Dogs)
- (ii) American Pitt Bull Terrier
- (iii) Dogo Argentino (Argentinean Mastiff)
- (iv) Tibetan Mastiff
- (v) Perro de Pastor Mallorquin
- (vi) Perro de Presa Canario (Canary Dogs)
- (vii) Japanese Tosa (Tosa Inu)
- (viii) American Bulldog
- (ix) Russo-European Laika
- (x) Fila Braziliero (Brazilian Mastiff)
- (xi) Owtcharka (Russian Owtchar)
- (xii) Kai (Korean Dogs)

BAKA ANJING TERHAD

- (i) Dogue de bordeaux (French Mastiff)
- (ii) Rottweiler
- (iii) Staffordshire Bull Terrier
- (iv) Tervuren
- (v) Miniature Bull Terrier
- (vi) Groenendal
- (vii) Estrela Mountain Dog (Cao da Serra da Estrella)
- (viii) Neopolitan Mastiff
- (ix) Alaskan Malamute
- (x) Alastian, German Shepherd, Belgian Shepherd, East European Shepherd
- (xi) Malinois, Laeknois
- (xii) Rafeiro Do Alentejo (Portuguese Watchdog)
- (xiii) American Staffordshire Bull TerrierShepherd
- (xi) Malinois, Laeknois
- (xii) Rafeiro Do Alentejo (Portuguese Watchdog)
- (xiii) American Staffordshire Bull Terrier

Lampiran 4

VAKSIN ANJING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Distemper	MLV	BK atau IO	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Canine hepatitis berjangkit	MLV Inactivated	BK or IO BK or IO	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
CAV-1 or CAV-2						
Jangkitan Parvovirus	MLV Inactivated	BK or IO BK or IO	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
Bordetella	Inactivated Attenuated hidup	BK or IO IH	6-8 >2	10-12 -	14-16 -	Tahunan Dua Kali Setahun
Parainfluenza	MLV	BK, IO or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Leptospirosis	Inactivated	BK or IO	10-12	14-16	-	Tahunan
Rabies *	MLV	IO IO	12-16 12-16	- -	- -	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri

VAKSIN KUCING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Panleukopenia (FP)	Inactivated MLV MLV IN	BK atau IO BK atau IO BK atau IO	6-8 6-8 6-8	10-12 10-12 10-12	14-16 14-16 14-16	Tahunan Tahunan Tahunan
Penyakit Herpervirus Type 1 (FAV-1)	MLV MLV IN	BK or IO IN	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
Penyakit Calicivirus (FCV)	Inactivated	BK or IO	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Feline Leukemia (FelV)	Inactivated	IO	8	2-3 kemudian	2-3 kemudian	Tahunan
Rabies *	MLV	IO IO	12-16 12-16	- -	- -	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri.

** Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV **yang tidak diluluskan** pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies vaksin-terinduksi.

BK = Bawah kulit, IO = intraotot, IN = intrahidung

Lampiran 5

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Non adhesive dressing
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forcep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. Penlight
15. Sanitizer
16. Bandage

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini samada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

NOTA



www.dvs.gov.my